

## Lack Of Forest Product Source For The Sustainable Tourism Sustainability Of Mah Meri Orang Asli: A Case Study In Selangor Carey Island

### Kekurangan Sumber Hasil Hutan bagi Kelestarian Pelancongan Mampan Masyarakat Orang Asli Mah Meri: Satu Kajian Kes di Pulau Carey Selangor

Noraini Mohd Shah<sup>a\*</sup>, Ridzwan Che' Rus<sup>a</sup>, Ramlee Mustapha<sup>a</sup>, Mohd Azlan Mohammad Hussain<sup>a</sup>, Norwaliza Abdul Wahab<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Faculty of Technical and Vocational, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Malaysia

<sup>b</sup>Faculty of Education and Human Development, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Malaysia

\* Corresponding author: p20151000933@siswa.ups.edu.my

**Article history:** Received: 17 September 2017 Received in revised form: 24 March 2018 Accepted: 6 Jun 2018 Published online: 22 November 2018

#### Abstract

This paper discusses the lack of forest resource resources for sustainable tourism of the Mah Meri tribe Orang Asli tourism. The study was conducted at Sungai Bumbum Village. In-depth interviews are used as a method of data collection of case studies. This study uses purposive sampling and data is collected using in-depth and detailed structured interviews. This study is important because studies related to indigenous tourism are still not widely explored, especially in Malaysia. Travel products from forest resource sources such as woodcarving and weaving are an important product that leads to sustainable tourism development holistically. The study also revealed that the Orang Asli community of the Mah Meri tribe was increasingly worried about the extinction of forest product resources arising from the various developments conducted on Carey Island. The Indigenous Peoples of Mah Meri also feel that their culture and tourism have gradually been facing major threats due to the lack of forest resources. However, it is hoped that the findings of this study will contribute to the sustainability of sustainable tourism on Carey Island, Malaysia.

**Keywords:** Sustainability, native tourism, disadvantages, forest product resources, Orang Asli Mah Meri

#### Abstrak

Kertas ini membincangkan mengenai kekurangan sumber hasil hutan bagi kelestarian pelancongan mampan Orang Asli suku kaum Mah Meri. Kajian dijalankan di Kampung Sungai Bumbum. Temu bual secara mendalam digunakan sebagai kaedah pengumpulan data kajian kes. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dan data dikumpulkan dengan menggunakan temubual berstruktur yang mendalam dan terperinci. Kajian ini adalah penting disebabkan kajian berkaitan *indigenous tourism* masih belum luas diterokai khususnya di Malaysia. Produk pelancongan daripada sumber hasil hutan contohnya seperti ukiran kayu dan anyaman merupakan produk penting yang membawa kepada pembangunan pelancongan yang mampan secara holistik. Kajian ini turut mendedahkan bahawa masyarakat Orang Asli suku kaum Mah Meri semakin bimbang dengan kepupusan sumber hasil hutan yang berpunca daripada pelbagai pembangunan yang dijalankan di Pulau Carey. Masyarakat Orang Asli Mah Meri turut merasakan bahawa budaya dan pelancongan mereka secara beransur-ansur telah menghadapi ancaman yang besar disebabkan oleh kekurangan sumber hasil hutan. Walaubagaimanapun, diharapkan penemuan kajian ini akan menyumbang kepada pengekalan pelancongan yang mampan di Pulau Carey, Malaysia.

**Kata kunci:** Kelestarian, pelancongan peribumi, kekurangan, sumber hasil hutan, Orang Asli Mah Meri

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

#### 1.0 PENGENALAN

Sejak beberapa dekad yang lalu, isu pembangunan mampan atau kelestarian alam sekitar menjadi isu kritikal di peringkat tempatan dan antarabangsa. Mengikut Laporan Brundtland (1987), pembangunan mampan atau pembangunan lestari merupakan pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan serta tidak menjejaskan alam sekitar, bukan sahaja untuk generasi kini, malah untuk generasi akan datang. Laporan ini turut menyatakan bahawa konsep pembangunan mampan ialah pembangunan yang memenuhi keperluan semasa di samping tidak menjejaskan alam sekitar (Wheeler, 2004). Pada tahun yang sama, dalam sidang United Nations pada tahun 2005 mengenai pembangunan mampan telah dipersetujui tiga tonggak utama kemampanan iaitu kemampanan ekonomi, sosial dan alam sekitar (United Nations, 2005). Tonggak-tonggak ini penting kerana dianggap dapat memenuhi keperluan asas manusia di peringkat tempatan dan global di samping tidak memusnahkan alam sekitar (Kates, Parris, Leiserowitz & Harvard, 2005).

Dalam menjelaskan konsep pembangunan mampan, beberapa sarjana membahagikan aspek kemampanan kepada tiga dimensi yang saling berkaitan, iaitu dimensi ekonomi, sosial dan fizikal/ekologi (Blowers, 1992). Kemampanan ekonomi merujuk kepada penggunaan secara lestari sumber-sumber yang ada bagi faedah yang terbaik. Idea ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan sumber-sumber dengan cara yang cekap dan bertanggungjawab serta memberi manfaat kepada manusia dan alam sekitar secara jangka panjang. Menurut Rolston (1994), model kemampanan ekologi adalah bagi mengekalkan kepelbagaian biologi dan integriti ekologi di samping memberi tumpuan kepada kesihatan dunia. Sumber semulajadi penting untuk dikekalkan kerana manusia bergantung kepada sistem ekologi. Modal kemampanan sosial secara umum merujuk kepada kepercayaan yang dapat meningkatkan kecekapan masyarakat terhadap rangkaian hubungan sosial (Adger, 2001). Penentu modal kemampanan sosial termasuklah ciri-ciri peribadi seperti umur, jantina atau kesihatan, ciri-ciri keluarga, pendidikan dan pekerjaan, sikap dan nilai (Lehtonen, 2004). Kemampanan sosial boleh membawa kepada kesejahteraan individu, keluarga dan kejiranan (Stone & Hughes, 2002).

Terdapat kebimbangan orang ramai secara meluas tentang kemiskinan, kelaparan, penyakit, ketidaksetaraan gender di alam persekolahan yang tidak dipenuhi, dan pencemaran alam sekitar. Oleh yang demikian, melalui pasukan PBB yang diketuai oleh Penyelaras Residen PBB, Ketua Setiausaha membuat pemantauan kemajuan untuk setiap negara ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) dalam satu siri laporan kemajuan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan mampan, merangsang perbahasan, dan menggalakkan tindakan lanjut untuk pembangunan mampan (United Nations, 2010). *Millennium Development Goals* (MDG) menandakan sesuatu yang bersejarah dan berkesan kepada inisiatif untuk mencapai satu set keutamaan sosial yang penting di seluruh dunia. Dengan mengabungkan keutamaan ini ke dalam satu set yang mudah difahami daripada lapan matlamat, dan dengan mewujudkan objektif yang boleh diukur, MDG membantu negara-negara membangun untuk meningkatkan kesedaran global, politik akauntabiliti, kesaksamaan gender dan keadilan sosial (UNESCO, 2010). Walaupun MDG telah dilancarkan namun begitu terdapat beberapa kelemahan agenda MDG iaitu masalah kelestarian alam sekitar, masalah sosial dan kemiskinan yang masih berleluasa. Oleh yang demikian, *sustainable development goal* (SDG) pula dilancarkan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

Pada tahun 2015, *Sustainable Development Goal* (SDG) diwujudkan bagi mengatasi dan seterusnya memperbaiki kelemahan agenda MDG termasuk masalah ekonomi, sosial dan alam sekitar yang semakin kritikal (Griggs, Smith, Rockstrom, Ohman, Gaffney, Glaser & Shyamsundar, 2014). Di sebabkan oleh usaha-usaha sebelum ini sering mengambil pandangan yang sempit terhadap pembangunan ekonomi, maka SDG lebih menfokus kepada strategi jangka panjang, terbuka, dan telus dengan penglibatan banyak pihak dalam pelbagai peringkat perbincangan, berbeza dengan usaha-usaha sebelum ini yang hanya melibatkan kumpulan kecil PBB. Perhimpunan Agung PBB mengusulkan cadangan mengenai SDG yang berkaitan dengan cadangan pembangunan mampan. Antara cadangan tersebut ialah membasmi kemiskinan dan kelaparan, peningkatan taraf kesihatan dan pendidikan, menjadikan bandar lebih mampan, mengawal perubahan iklim, dan melindungi lautan dan hutan (United Nations General Assembly, 2005). Iltizam ditunjukkan oleh Malaysia dalam melaksanakan MDG yang berakhir pada 2015 menunjukkan pencapaian dan peningkatan diperoleh negara dalam tempoh 15 tahun yang lampau telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Agenda MDG kini telah diambil alih oleh Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) atau Agenda Global sehingga tahun 2030 (Berita Harian, 2016).

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) atau lebih dikenali sebagai agenda 2030 yang menfokus kepada pembangunan mampan merupakan agenda untuk mengubah pendekatan global terhadap cabaran ekonomi, sosial dan alam sekitar (Stevens & Kanie, 2016). Pembangunan lestari bukan hanya agenda alam sekitar, ia juga agenda kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi menyeluruh (Berita Harian, 2017). Antara elemen dalam agenda 2030 pembangunan mampan adalah 17 aspek utama pembangunan mampan iaitu dari segi kemiskinan, makanan, kesihatan, pendidikan, wanita, air, tenaga, ekonomi, infrastruktur, ketidaksetaraan, habitat, penggunaan, iklim, ekosistem *marine*, ekosistem dan institusi (Records, 2001). UNESCO (Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan PBB) telah mengiktiraf kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita yang merupakan salah satu keutamaan di era global ini (UNESCO, 2014). Misalnya dalam membentuk konsep komuniti mampan untuk komuniti minoriti seperti Orang Asli, wujudnya satu Laporan Strategi Pembangunan Mampan dan Agenda 21 Selangor, yang memabatkan komuniti Orang Asli (JPBD Selangor & Lestari, 2001) yang dapat dijadikan panduan penilaian dan pertimbangan. Hasilnya, komuniti Orang Asli di Pulau Carey, Selangor mengalami perubahan demi perubahan walaupun dalam keadaan yang perlahan. Hubungan dengan masyarakat luar telah banyak memberikan pendedahan baharu kepada komuniti Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman

Kajian terhadap konsep komuniti mampan dalam kalangan masyarakat Orang Asli turut mengambil kira kepentingan ilmu pengetahuan peribumi (Khairul Hisyam & Ibrahim Ngah, 2007). Pulido dan Bocco (2003) adalah pengkaji tentang kehidupan komuniti peribumi melihat bahawa ilmu pengetahuan tradisional yang diwarisi oleh komuniti peribumi membawa kepada kelangsungan hidup melalui amalan-amalan harian yang mampan. Tambahan pula, masyarakat peribumi mementingkan keseimbangan dalam kehidupan mereka dimana alam sekeliling mereka merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka. Keseimbangan merupakan salah satu kekuatan dalaman dalam kelangsungan hidup kaum peribumi (Surasin, 1996).

Di Malaysia, misalnya pelancongan peribumi bagi komuniti Orang Asli di Royal Belum Temenggor Perak yang melibatkan dua perkampungan Orang Asli di Kampung Semelor dan Kampung Sg. Tiang bertempat di Royal Belum dan *Temenggor Forest Complex* (RBTFC) di negeri Perak di mana persepsi masyarakat mengenai perancangan potensi dan kesediaan mereka untuk projek-projek pelancongan eko-budaya lestari disambut baik oleh komuniti Orang Asli (Kamarudin, Ngah, Abd Wahid, & Razak, 2015). Penyertaan yang aktif daripada masyarakat setempat dapat dikenalpasti melalui tingkah laku tuan rumah dalam menerima kedatangan pelancong ke penempatan mereka (Lepp, 2007). Menurut Carter (1994) dan Benarndo (2011) penglibatan masyarakat setempat dilihat terbaik dalam pengurusan secara kecil-kecilan dan seterusnya membawa kepada penglibatan penduduk tempatan melalui andaian-andaian wujudnya kos efektif iaitu adanya pertimbangan untuk infrastruktur asas seperti air, elektrik, telekomunikasi dan jalan raya yang merupakan perkara penting yang perlu dipertimbangkan. Kawasan penempatan Orang Asli dapat dipelihara kecantikan dan biodiversiti hutan di samping dapat mempelbagaikan sumber pendapatan masyarakat Orang Asli yang membolehkan Orang Asli memperoleh pendapatan berterusan dan stabil di samping mereka dapat mengekalkan pekerjaan tanpa perlu berhijrah keluar demi mencari pekerjaan yang baharu (Kamarudin et al., 2015).


Pengalaman daripada dalam negara dan luar negara untuk membangunkan komuniti peribumi perlu dikaji untuk mengetahui tentang keunikan masyarakat peribumi ini dalam menguruskan sumber alam sekitar yang mana dapat disatukan bersama pendekatan moden untuk menghasilkan strategi kelestarian pelancongan peribumi. Namun, usaha merangka strategi kelestarian pelancongan peribumi

bagi masyarakat Orang Asli kini semakin sukar dan mencabar kesan daripada perkembangan arus kemodenan. Komuniti Orang Asli dikhuatiri akan tercicir dan mundur disebabkan oleh tidak memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk membangunkan pelancongan peribumi (Awang et al., 2015). Justeru, satu kajian empirikal diperlukan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian keupayaan pelancongan peribumi dari aspek demografi, modal insan, modal sosial, modal institusi, modal ekonomi dan modal alam sekitar.

Menurut Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas (2009), masyarakat Orang Asli merupakan komuniti kecil di Malaysia dan merupakan sebahagian daripada penduduk peribumi di samping kaum Bumiputera Semenanjung (Melayu, Siam, Mamak), Bumiputera Sabah (Kadazan, Dusun, Murut, Bajau) dan Bumiputera Sarawak (Iban, Kenyah, Bidayan). Merujuk perangkaan yang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Ekonomi Orang Asli (JHEOA), jumlah keseluruhan Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada tahun 2003 ialah seramai 147,412 orang (Zainal Abidin Ali, 2008) yang dapat diklasifikasikan kepada tiga kumpulan iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap kaum induk Orang Asli dapat pula dibahagikan kepada pelbagai suku kaum. Senoi merupakan kaum induk yang terbesar iaitu dengan jumlah mereka adalah sebanyak 81,826 orang (55.5%) diikuti oleh kaum Melayu Proto sebanyak 61,585 (41.77%) dan Negrito sebanyak 4,001 yang merupakan kumpulan paling *primitive* (2.71%) (Zainal Abidin Ali, 2008). Istilah ‘Orang Asli’ digunakan selepas merdeka bagi padanan untuk istilah “*Aboriginal People*” seperti yang termaktub di bawah *Aboriginal People Ordinance 1954*.

Menurut Nicholas (2000) penekanan terhadap pemodenan bertujuan untuk memperbaiki perkampungan Orang Asli dari segi pendidikan, kesihatan, elektrik dan air. Kemusnahan terhadap tanah yang didiami oleh nenek moyang komuniti Orang Asli, kekurangan sumber hasil hutan serta kesukaran untuk memasuki kawasan hutan dan sungai adalah sangat mengecewakan masyarakat Orang Asli Mah Meri. Hal ini adalah kerana kesan daripada kesukaran mereka untuk mencari hasil hutan menyebabkan sumber pendapatan mereka turut terjejas. Mereka turut tidak dapat memperoleh hasil laut seperti ikan, udang dan ketam untuk dijadikan sumber makanan harian mereka. Kesukaran untuk memasuki kawasan hutan turut menyebabkan pengambilan pokok nyireh batu tergendala dan seterusnya menyebabkan kekurangan produktiviti hasil kraftangan mereka. Rajah 1 menunjukkan kerangka teori bagi Kelestarian Pelancongan Peribumi.

### Kelestarian Pelancongan Mampan Orang Asli Mah Meri



Rajah 1 Kerangka teori bagi kelestarian pelancongan peribumi

## 2.0 METODOLOGI

Pemilihan responden dilaksanakan dengan menggunakan kaedah sampel bukan kebarangkalian (Merriam 1998; Creswell 2007), bertujuan (Creswell 2007; Glaser 1978; Patton 1990), dan snowball (Bogdan and Biklen 1992; Creswell 2007). Dalam kaedah sampel bertujuan yang digunakan ini, penentuan kriteria untuk memilih responden yang terlibat dan lokasi penyelidikan iaitu di perkampungan Orang Asli Sg. Bumbum, Pulau Carey. Melalui kajian ini, pemilihan alat persampelan bertujuan digunakan. Menurut Sabitha Marican (2005), persampelan merupakan jenis persampelan bukan kebarangkalian. Di samping itu, penyelidik perlu mengetahui peluang setiap individu daripada populasi yang harus ditentukan terlebih dahulu (Mohd Majid, 2008). Individu yang dipilih akan meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik terhadap situasi, individu atau tingkah laku yang dikaji oleh penyelidik (Sabitha Marican, 2005). Responden yang dipilih adalah terdiri daripada masyarakat Orang Asli itu sendiri. Hal ini adalah kerana segala maklumat yang dikehendaki dapat diberikan oleh mereka.

### ■3.0 DAPATAN KAJIAN

Pada keseluruhannya, data yang dikumpul menampakkan kebimbangan masyarakat Orang Asli terhadap kekurangan hasil sumber hutan. Hasil daripada wawancara yang mendalam menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli adalah sangat bergantung terhadap sumber-sumber alam sekitar. Sumber bahan mentah merupakan bahan yang paling penting yang perlu digunakan dalam menjalankan perniagaan dan aktiviti pelancongan.

#### 3.1 Tema: Penanaman Semula

Menurut informen bekas pengukur P1 terdapat masalah untuk penanaman kayu nyireh batu disebabkan oleh apabila masyarakat Orang Asli menjalankan penanaman semula, tanah tersebut diteroka untuk tujuan membuat kebun kelapa sawit. Ini dinyatakan oleh informen P1 seperti berikut:-

“..Macam untuk tanaman semula ada dua material disini satu nyireh batu kayu..tapi memang agak terlewat..masalah bila kita tanam tanah tu diteroka untuk buat kebun kelapa sawit..habis..tak ada hutan lagi sebenarnya yang ada kayu ni hanya di bibir-bibir sungai je tu..hutan di bibir-bibir sungai je tu..tiada spek untuk hutan lagi dah dalam seeker dua dah tak ada dah..cuma yang ada tumbuh-tumbuh pun di persisir sungai tu..hutan paya bakau yang sungai-sungai itu je yang tinggal..ada-ada..tapi jauh..nak tanam sekarang ni pun jadi masalah..” (P1/L/87)

Bekas pengukur kayu turut menyatakan bahawa hutan paya bakau di perkampungan Orang Asli Pulau Carey sudah berkurangan. Oleh sebab itu, tiada tempat yang sesuai bagi tujuan penanaman pokok nyireh batu. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut.

“...kalau diikutkan sekarang yang ada tinggal pesisir sungai tu..katakan satu hari..kadang-kadang sungai tu akan terhakis tau..dia akan..benda tu akan jadi runtuh..tempat nak tanam tu agak sukar..haa..tempat dah tak ada..” (P1/L/89)

Menurut bekas pengukur kayu, beliau menyatakan bahawa sebenarnya kebanyakan pengukur di Kg. Sg. Bumbum ini tidak berapa yakin untuk meneruskan ukiran patung dan topeng disebabkan kepupusan sumber-sumber bahan mentah seperti pokok nyireh batu. Walaupun penanaman pokok nyireh batu dilaksanakan namun begitu penanaman pokok nyireh batu tersebut mengambil masa yang lama untuk membesar dan matang.

“..Itulah kena ada keyakinan diri..sebenarnya ramai yang tak berapa yakin dengan bahan-bahan mentah..bahan material tadi..dah susah memang dah *give up* la..kayu dah tak ada nak macam mana..hemm..dah tak ada..kita sebenarnya boleh..tapi makan masa la..sebab 10 tahun pun belum tentu..10 tahun pun belum matang lagi tu..paling matang pun 30 tahun..” (P1/L/106)

Tambah informen pengukur P3 yang menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli selepas menebang pokok nyireh batu, mereka akan menjalankan penanaman semula pokok nyireh batu. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..Ok..lepas kita menebang pokok..kita cari anak pokok lain yang ada di tempat tanah sungai yang hampir hendak runtuh sebab hakisan tanah..kita amik benih tu..kita bawa sana tanam..” (P3/L/154)

Dapatan kajian ini turut disokong oleh informen pemandu pelancongan, TG yang menyatakan penanaman semula ada juga dijalankan. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..tanam semula pokok la selalunya kita akan tanam semula pokok-pokok...” (TG/P/155)

Hasil temu bual dengan informen JAKOA, BIJ menyatakan bahawa pihak Jabatan ada membekalkan kepada pembekal untuk projek penanaman semula anak pokok nyireh batu. Perkara ini dinyatakan oleh informen BIJ seperti berikut:-

“..di kawasan hutan bakau tu tahun 2010 tak silap saya..Jabatan dia supply kepada pembekal untuk projek tanam anak pokok nyireh batu kita amik daripada anak pokok tu kita sebarkan..luas la kawasan dia..” (BIJ/L/97)

Hasil temu bual informen agensi Kraftangan Malaysia, BIK menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli turut membuat penanaman semula daun mengkuang untuk menghasilkan produk anyaman. Namun begitu, untuk tanaman pokok nyireh batu memerlukan masa yang lama untuk membesar. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“...kita pun pernah mintak Orang Asli tanam pokok nyireh batu..Orang Asli ada yang tanam ada yang tak..macam mengkuang masing-masing ada yang tanam pokok mengkuang belakang rumah..mana-mana tempatlah..tapi memang daun mengkuang tu memang lambat nak dapat..sebab dulu kita pernah ikut semasa nak buat kursus anyaman mengkuang..diaorang dapat pergi ke suatu kawasan hutan situ banyaklah daun mengkuang tapi nak guna untuk kuantiti yang banyak sangat tak cukup kot..jadi dalam masa yang sama Orang Asli dah tanam sikit..tapi nak tunggu besar tu lambat lah..tu je..kayu nyireh ni Orang Asli kata ..” (BIK/L/89)

Dapatan kajian ini turut disokong oleh informen pemandu pelancongan, TG yang menyatakan penanaman semula ada juga dijalankan. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..tanam semula pokok la selalunya kita akan tanam semula pokok-pokok...” (TG/P/155)

Hasil dapatan kajian turut menampakkan keperihatinan tok batin di kampung Sungai Bumbang dalam menyuarakan harapan agar jabatan perhutanan dapat mengekalkan hutan paya bakau bagi tujuan penanaman semula pokok kayu nyireh batu untuk kegunaan para pengukur pada masa akan datang.

“...saya..mengharap pihak berkuasa..terutamanya jabatan perhutanan..kekalkan hutan paya bakau..sekurang-kurangnya 6 atau 1000 ekar..tujuannya 6 atau 1000 ekar untuk menanam semula kayu nyireh batu..dengan adanya hutan paya bakau pengukur ni dia bukan musnah pokok kayu bakau atau pokok-pokok lain dia cuma amik kayu ukiran aje itupun bergantung kepada kayu yang diukir tu sama ada mencukupi kegunaan atau tidak..kalau tiada kegunaan maka dia tidak lakukan..dia tak tebang pokok..haa..itulah harapan saya..” (TK/L/62).

Informen pengukur kayu menyatakan bahawa sebelum ini memang ada mengupah orang untuk menjalankan kaedah penanaman semula. Namun begitu, aktiviti tersebut tidak dijalankan lagi. Oleh yang demikian, para pengukur mengambil inisiatif untuk mengusahakan sendiri dengan cara selepas menebang pokok nyireh batu, mereka akan menjalankan penanaman semula pokok nyireh batu. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut.

“...sebenarnya aktiviti penanaman semula tu sebelum tu memang ada yang diambil upah tanam semula dan selepas itu tak tahu macam mana diaorang pun diam senyap aje..jadi sekarang ni kita kena usahakan sendiri..setiap kali kita dah tebang pokok tu..kita amik benih tu ditempat lain iaitu di tepi sungai yang dah nak runtuh..kita amik benih pokok tu kita tanam kat tempat situ...” (P2/L/169)

### 3.2 Tema: Sayang akan Alam Sekitar

Hasil temu bual dengan informen pengukur P2 menyatakan bahawa jika ada peruntukkan daripada pihak kerajaan beliau ingin membersihkan halaman rumahnya. Beliau juga berhasrat untuk menceriakan suasana rumahnya. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“...halaman saya ni kalau boleh..kalau ada peruntukkan..kalau ada kerajaan nak bantu ke kan daripada kewangan ke kalau ada sumbangan ke saya nak bersihkan halaman rumah saya..saya nak buat satu macam rumah Orang Asli..orang lama-lama dulu..macam tu saya pikir dalam hati saya..saya nak pagar halaman rumah untuk keceriaan..tujuan saya untuk nak tambahkan pelancong..saya nak tarik pelancong lagi saya nak pelbagaikan dalam kampung ni kalau boleh la setiap rumah ke buatlah rumah lama..ha..sebab pelancong ni dia nak merasai kehidupan masyarakat Orang Asli tidurnya..rumah macam mana..sejuknya rumah beratap..itu..macam tulah..kualiti dia tu nak tambahkan baik..keceriaan tu penuh landskap..landskap tu nak cantikkan lagi la..nanti nak buat rumah..saya sebenarnya cadang nak buat rumah..pelancong nak datang jugak..untuk duduk rumah...” (P2/L/265)

Menurut informen P2, masyarakat Orang Asli sentiasa sayang akan alam sekitar. Mereka tidak akan meneroka hutan sehingga berekar-ekar. Mereka mencari hasil hutan hanya sekadar cukup bagi menampung keperluan hidup mereka.

“..Alam sekitar...Orang Asli ni saya cakaplah dia tak pernah teroka hutan sampai berekar-ekar..yang menekar-ekarnya siapa..cakap..siapa..ha..melayu ada, cina ada, india ada..” (P2/L/268)

Dapatan ini turut disokong oleh informen agensi JAKOA, B3J yang menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli tidak suka menebang pokok sesuka hati. Orang Asli sayang untuk tebang pokok. Hal ini adalah disebabkan oleh masyarakat Orang Asli tidak mahu berlaku sebarang runtuh, hakisan tanah yang boleh membawa kepada air sungai menjadi keroh. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..dia tak suka-suka tebang..dia pun sayang nak tebang pokok..dia tak nak berlaku runtuh, hakisan kan..nanti dia rugi jugak..kalau hakisan..air keroh ikan pun tak ada..dia pun tak boleh cari makan..” (B3J/L/93)

Dapatan ini juga turut disokong oleh informen agensi JAKOA, B4J yang menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli di kampung Sg. Bumbang telah mula mencantikan kawasan perkampungan mereka.

“..kalau Kg. Sg. Bumbang Orang Asli dah mula mencantikkan..” (B4J/P/86)

### 3.3 Tema: Prihatin terhadap Alam Sekitar

Menurut informen pengukur, P6 perlunya keprihatinan dalam penjagaan alam sekitar. Beliau turut menyatakan bahawa di kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli kebiasaannya sampah tidaklah banyak. Masyarakat Orang Asli membuat perigi di belakang rumah untuk tujuan membuang sampah. Namun begitu, ada juga dalam kalangan Orang Asli yang membakar terus sampah. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..perlu prihatin dalam menjaga alam sekitar..biasa sini sampah tak banyak sangat..masing-masing ada sampah dia buang dekat belakang rumah..satu perigi..timbus..ada setengah orang dia bakar terus..” (P6/L/251)



Informen anyaman kraftangan turut menyatakan harapan yang sama agar pihak Jabatan Perhutanan dapat memperuntukkan tanah untuk hutan paya bakau. Hal ini adalah disebabkan oleh generasi muda perlu mewarisi kesinambungan tradisi turun temurun masyarakat Orang Asli Mah Meri dari segi ukiran kayu dan anyaman.

“..Kalau boleh Jabatan Perhutanan adakan balik hutan bakau..itu yang penting..usahkan banyak..sikit pun jadi la..ni untuk pokok nyireh batu..bukan setakat pelancong je..anak-anak kita...generasi baru ni memang dah tak tahu benda-benda hasil laut..contoh macam hutan bakau tu..macam mana tu..saya rasa memang agak sendih la..sebab banyak yang hilang..contohnya kita mengambil daun nipah ni ada masalah...” (A2/P/121)

Manakala, menurut informen Tok Batin, TK menyatakan bahawa

“...sini pembuangan sampah bergantung daripada keluarga itu sendiri..sebab keluarga bukanlah banyak sampah sangat..kalau dia belanja pun..mungkin dia amik plastik dia simpan..yang keduanya mungkin dia dapat agak-agak dia boleh bakar..dia bakarlah..tak nampaklah kesan sampah plastik tu..dia bakarlah..yang saya plak kadang-kadang saya bawa keluar...” (TK/L/127)

Menurut informen agensi kraftangan Malaysia B1K, beliau menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli menjaga alam sekitar. Namun begitu, dari segi pengurusan sisa kumbahan ianya bergantung kepada sikap masyarakat Orang Asli itu sendiri. Tambah informen B1K lagi ada dalam kalangan masyarakat Orang Asli ini pembersih dan ada juga yang tidak menjaga kebersihan. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..Alam sekitar Orang Asli jaga..kawasan rumah diaorang kan..cuma sisa kumbahan apa semua tu..dia depend pada Orang Asli tu sendiri..attitude dia sendiri..ada yang pembersih..pembersih..ada yang pengotor..pengotor jugak...” (B1K/L/85)

### 3.4 Tema: Menghargai Alam Sekitar

Menurut informen agensi JAKOA B1J menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli sangat menghargai alam sekitar. Tambah beliau lagi masyarakat Orang Asli sangat prihatin jika adanya projek pembangunan yang membawa kepada penecaman alam sekitar. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..Orang Asli Mah Meri memang sangat-sangat menjaga alam sekitar.keadaan semulajadi di hutan..untuk aktiviti harian daripada segi pertanian, dari segi nelayan..mahupun kraftangan semuanya menjaga alam sekitar..dia kalau berlaku pencemaran hasil..selain pertanian ada buat nelayan..diaorang sangat-sangat menjaga alam sekitar...” Orang Asli sangat menghargai alam sekitar..yang diaorang kisah kalau alam sekitar tu diceroboh..jadi projek pembangunan pastu tercemar..diaorang sayang terhadap kehidupan semulajadi..memang bergantung terhadap alam sekitar...” (B1J/L/87)

Dapatan ini turut disokong oleh informen agensi JAKOA, B3J yang menyatakan bahawa pembangunan berhampiran dengan perkampungan masyarakat Orang Asli haruslah demi mengekalkan kelestarian pelancongan peribumi. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“..cuma kena kekalkan dari segi..aar..persekitaran la..jangan musnahkan alam sekitar..tebang menebang haruslah dikawal supaya tidak berlaku hakisan tanah..tidak membenarkan pihak-pihak lain meneroka hutan...dari segi pembalakkan, perlombongan, bukan setakat lombong timah, lombong pasir, emas kena kawal lah..kawal..di kampung Orang Asli tu lah kawasan pelancongan..kalau tidak musnah la..lain la kalau kemusnahan tu secara semula jadi..kalau di pantai hakisan ombak...” (B3J/L/103)

Informen agensi JAKOA B3J turut menyatakan bahawa kehidupan masyarakat Orang Asli memang berkait rapat dengan alam sekitar. Mereka tidak boleh hidup tanpa ada hutan disebabkan oleh hutan menjadi sumber pendapatan mereka. Perkara ini dijelaskan seperti berikut:-

“..Tu macam yang saya cakap Orang Asli ni memang berkait rapat dengan alam sekitar...memang berkait rapat dengan kata orang tu hutan..maksudnya memang tak boleh lari la..sebab Orang Asli tak boleh hidup tanpa hutan..sebab hutan ni sumber pendapatan dia..sumber bahan dia untuk kraftangan dan..segala-galalah...” (MAS: B3J/L/96)

### 3.5 Tema: Kesukaran mendapatkan bahan mentah

Menurut informen anyaman kraftangan beliau turut berasa kecewa disebabkan oleh kesukaran dalam mencari bahan mentah. Tambah informen anyaman, jika sukar untuk memperoleh bahan mentah, maka komuniti masyarakat Orang Asli tidak dapat meningkatkan produktiviti kraftangan mereka. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut.

“..kalau bahan mentah tu tak dapat dah nak tampung..memang kita tak dapat dah nak buat..contoh bahan daun nipah apa pun kita dah tak dapat dah tak ada..mungkin tak buat dah..pada pandangan saya lah dekat sime darby ni memang tak boleh nak masuk..kita nak amik bahan mentah pun susah..jadi kita kecewa jugaklah..bahan-bahan ni dah tak ada..memang dah tak ada...” (A1/P/58)

Informen bekas pengukir kayu turut menyatakan bahawa faktor utama dalam menghasilkan produk kraftangan ialah sumber bahan mentah. Menurut beliau lagi, perkara ini seharusnya menjadi isu yang agak merisaukan. Hal ini disebabkan oleh kesukaran dalam mendapatkan sumber hasil hutan. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut.

“..faktor utama itulah bahan mentah..benda ni sepatutnya menjadi isu..isu yang agak merisaukan..dia sebenarnya dah agak meruncing dengan keadaan sekarang ini..kayu-kayu dia yang ukiran..memang dah agak susah..so, tak ada tindakan oleh mana-mana pihak sebenarnya..sebab tak ada kesedaran..” (P1/L/138)

Tok Batin kampung Sungai Bumbang turut menyatakan tentang keyakinan para pengukir kampung sungai bumbang semakin berkurangan disebabkan oleh sumber bahan mentah yang semakin berkurangan. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut.

“..Keyakinan pengukir yang ada sekarang memang ada keyakinan apabila ada keyakinan kalau bahan mentah dah tak ada di situlah hilangnya keyakinan sebab bahan dia dah tak ada..sekarang mereka amik daripada kuala selangor bayangkanlah jauh..itupun nak pergi nak pergi amik kayu ukiran tu pun jauh nak jumpa pejabat negeri Selangor..pejabat hutan negeri..dapatkan surat pulak dapatkan pergi jabatan hutan daerah kuala Selangor pulak untuk ni..daripada situ pada saya keyakina pengukir itu agak berkurang memandangkan bahan tu lah..” (TK/L/70)

Hasil temu bual dengan informen agensi Kraftangan Malaysia, BIK menyatakan bahawa terdapat kekangan dalam mendapatkan bahan mentah seperti pokok nyireh batu. Pokok nyireh batu sudah semakin berkurangan disebabkan penebangan pokok secara berleluasa kesan daripada pelbagai pembangunan yang diajalankan di sekitar Pulau Carey. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan sumber pendapatan masyarakat Orang Asli dalam penghasilan pelbagai ukiran kayu. Perkara ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:-

“...cuma yang kita tahu masalah sekarang ni adalah banyaknya kawasan-kawasan pokok nyireh ni dah tak ada dah..dah kena tebang..kesukaran dapatkan bahan mentah..masalah sekarang ni kayu nyireh je..sebenarnya Orang Asli ni bukannya tak boleh pakai kayu cengal ke..sebenarnya Orang Asli punya trademark Pulau Carey tu..bila sebut Pulau Carey tu kayu nyireh tak kiralah..nyireh bunga ke...nyireh batu..nak bagi kayu lain memang dia tak nak..bukan trademark dia...kayu nyireh dia punya urat-urat cantik..itu je..lepas tu dia shinning..bila sebut Pulau Carey je..kayu nyireh..anyaman..” (B1K/L/89)

#### ■4.0 KESIMPULAN

Menurut Gregory (2003), pengetahuan peribumi boleh memberikan kesan penting kepada konsep komuniti mapan. Amalan harian yang berpandukan ilmu pengetahuan tradisional dapat membentuk sebuah komuniti yang berjaya memelihara nilai-nilai budaya yang positif, menjaga sumber alam sekitar serta dapat membentuk hubungan dengan persekitaran secara mesra alam (Khairul Hisyam & Ibrahim Ngah, 2007). Di samping itu, Warren (1989) menyatakan bahawa ilmu pengetahuan masyarakat peribumi bersifat dinamik, berinovasi dan bersesuaian falsafah kehidupan mereka. Gregory (2003) juga melihat bahawa amalan tradisional oleh komuniti peribumi bertepatan dengan keperluan mereka serta mengikut konsep keseimbangan dan kelestarian (Rasul & Thapa, 2003). Pembangunan mapan adalah satu konsep yang merangkumi aspek-aspek sosiobudaya, alam sekitar dan ekonomi (Majumdar, 2011). Dalam konteks ekonomi, golongan terpinggir termasuk komuniti Orang Asli perlu didedahkan dengan kemahiran agar dapat meningkatkan lagi keupayaan ekonomi mereka dari aspek mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Namun proses transformasi dan integrasi komuniti peribumi dengan sistem ekonomi moden telah mula menghakis nilai dan amalan tradisional mereka. Menurut Surasin (1996), proses kemodenan telah meningkatkan tekanan untuk membekalkan sumber yang diperlukan bagi menampung keperluan kehidupan komuniti yang bergantung kepada pasaran nilai-nilai individualistik. Kawasan hutan yang sebelum ini menjadi sumber ekonomi, makanan dan ubat-ubatan yang bermanfaat untuk komuniti peribumi telah diteroka dengan pelbagai agenda kegiatan ekonomi moden untuk menggantikan sistem tradisional. Misalnya penggunaan jentera moden, baja dan racun kimia yang tinggi telah menyebabkan berlakunya pencemaran terhadap alam sekitar seperti pencemaran air, udara dan bunyi. Komuniti peribumi turut menerima tempas kesan daripada pembangunan ini seperti hilangnya identiti asal mereka dan menghakis amalan budaya komuniti Orang Asli. Hasil hutan seperti pisang hutan, pucuk tumbuhan (seperti pucuk paku dan daun ulaman seperti serai kayu), petai dan rebung menjadi sumber pendapatan bagi sesetengah Orang Asli telah mula berkurangan (Ma’Rof & Sarjit, 2008). Sekiranya pembangunan yang berleluasa ini terus berlaku dan tiada kawalan yang ketat untuk membendunginya, diragui isu agenda pembangunan mapan bagi komuniti Orang Asli tidak berjaya dilaksanakan dan mengakibatkan mereka masih dalam belenggu kemiskinan, kemunduran, hilang identiti dan kepupusan ilmu pengetahuan peribumi yang diwarisi sejak turun temurun (Mohd Nur Syufaata Jamiran & Seow Ta Wee, 2013). Oleh yang demikian, pembangunan mapan merupakan konsep asas bagi strategi pembangunan komuniti Orang Asli (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007) termasuk melestarikan pelancongan peribumi. Misalnya, masyarakat Orang Asli Mah Meri di kampung sungai bumbang, Pulau Carey, Selangor yang sememangnya diketahui umum dengan kegiatan kraftangan. Antara kegiatan kraftangan tersebut seperti seni ukiran dan anyaman yang menjadi tumpuan bagi pelancong asing yang datang berkunjung ke penempatan mereka (Rohayu & Noor Sharipah, 2013a). Manakala di negeri pahang, masyarakat Orang Asli iaitu suku kaum Jakun yang mendiami Taman Negeri Endau Rompin terlibat dalam pelancongan peribumi dengan bekerja sebagai jurupandu kepada pelancong luar negara (Siti Nor Awang, Kamal Solhai Fadzil, Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zinol, 2015). Masyarakat Orang Asli Semai di Bera, Pahang turut menjalani kehidupan pelancongan peribumi di tasik Bera. Begitu juga di Taman Royal Belum suku kaum Jahai dan Temiar menjadi tarikan kepada pelancong asing untuk berkunjung ke penempatan mereka (Awang et al., 2015). Tarian sewang, seni kreatif, alat muzik dan kraftangan merupakan antara tarikan bagi pelancongan asing untuk datang berkunjung ke penempatan masyarakat Orang Asli (Adi, Hood & Rashid, 2006). Namun, kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti Orang Asli memerlukan suatu mekanisme yang baharu agar amalan tradisi komuniti Orang Asli dapat dikekalkan dan dipulihara untuk generasi akan datang (Mohd Nur Syufaata Jamiran & Seow Ta

Wee, 2013). Oleh yang demikian, satu kajian empirikal perlu dijalankan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pelancongan peribumi di Pulau Carey, Selangor.

Melalui penyelidikan ini menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli Mah Meri berbangga dengan kebudayaan yang mereka amalkan. Masyarakat Orang Asli Mah Meri turut mahukan pihak berkuasa untuk mengambil langkah dalam memelihara hutan paya bakau agar ianya tidak musnah ditelan arus pembangunan dan permodenan zaman. Kerisauan mereka terhadap kepupusan sumber hasil hutan di perkampungan sungai bumbuh disebabkan oleh mereka kluatir generasi akan datang tidak dapat mewarisi produk kraftangan yang dihasilkan secara turun temurun. Tambahan pula, Orang Asli sangat sayang akan alam sekitar. Hal ini terbukti apabila mereka mengambil hasil hutan cukup sekadar keperluan mereka sahaja. Mereka juga turut menjalankan aktiviti penanaman semula pokok yang telah ditebang untuk tujuan ukiran kayu bagi menghasilkan produk pelancongan peribumi. Orang Asli juga percaya bahawa melalui aktiviti pelancongan dapat meningkatkan taraf hidup dan sumber ekonomi mereka.

## Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adger, N.W. (2001). *Social Capital And Climate Change*. Tyndall Centre for Climate Change Research, Working Paper No. 8. October 2001. School of Environmental Sciences, University of East Anglia.
- Berita Harian. (2016). Malaysia Komited Laksana Agenda Global 2030 dicapai pada November 27, 2016 di [http://www.ukm.my/lestari/doc/popular/SBI\\_malaysia\\_komited.pdf](http://www.ukm.my/lestari/doc/popular/SBI_malaysia_komited.pdf)
- Bernardo, J. C. (2011). Framework for the Development of Community-based Rural Tourism and Successful Models of CBRT in Asia. Paper presented at the *Conference on Planning and Developing Community-Based Rural Tourism*. Philippines, 12-14 Jan
- Brundtland, G. (1987). Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future. *Oxford Paperbacks, Report of*, 400. <http://doi.org/10.2307/2621529>
- Blowers, A. (1992). Planning a Sustainable Future: Problems, principles and prospects. *Journal of Town & Country Planning*, 61(5), 132-135.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative Research For Education: An Introduction To Theory And Methods*. Boston: Pearson.
- Cater, E. (1994). Ecotourism in the Third World – Problems and Prospects for Sustainability. *Ecotourism: A Sustainable Option*. 69-86.
- Glaser, B. G. (2012). Temu Bual Semasa Seminar Masalah *Grounded Theory* di New York.
- Griggs, D., Stafford Smith, M., Rockström, J., Ohman, M. C., Gaffney, O., Glaser, G., Shyamsundar, P. (2014). An Integrated Framework For Sustainable Development Goals. *Ecology and Society*, 19(4), art49–art49. <http://doi.org/10.5751/ES-07082-190449>.
- JHEOA. (2003). Majlis Taklimat JHEOA Kepada YB Dato' Azman Abd Rashid, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 18 Ogos 2003. Tidak Diterbitkan.
- Khairul Hisyam, K. & Ibrahim, N. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamaruddin, K. H., Ngah, I., Abd Wahid, S. N., & Razak, K. A. (2015). Readiness of Orang Asli communities in Royal Belum-Temengor Forest Complex, Perak towards Sustainable Eco-Culture Tourism (ECT) Programme. *Journal of Human Capital Development*, 8(1), 59–72.
- Kates, R., Parris, T. & Leiserowitz, A. Harvard. (2005). "What is Sustainable Development? Goals, Indicators, Values, and practice". *Environment*, 47(3): 8–21
- Lehtonen, M. (2004). The Environmental-Social Interface Of Sustainable Development: Capabilities, Social Capital, Institutions. *Ecological Economics*, 49(2), 199–214. <http://doi.org/10.1016/j.ecolecon.2004.03.019>
- Lepp, A. (2007). Residents' Attitude towards Tourism in Bigodi Village, Uganda. *Journal of Tourism Management*, 28, 876 – 885.
- Mohd Majid Konting. (2008). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan", Cetakan Keenam, Ampang, Selangor. Dewan Bahasa Dan Pustaka. 57-150.
- Nicholas, C. (2000). The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia. Copenhagen: IWGIA and Subang Jaya: COAC.
- Nicholas, C. (2000). The Orang Asli and The Contest For Resources: Indigenous Politic, Development And Identity in Peninsular Malaysia. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Nowak, S. (1987). *Marriage and Household: Btsisi' Response to a Changing World*. PhD dissertation, State University of New York at Buffalo.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation And Research Methods*. New Bury Park: SAGE Publication.
- Pulido, J. S. & Bocco, G. (2003). The Tradisional Farming System Of A Mexican Indigenous Community: The Case of Nuevo San Juan Parangaricutiro, Michoacan, Mexico. *Journal of Geoderma*, 111, 249-265
- Records, O. (2001). General Assembly. New York, 56350(August), 1–27. <http://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199560103.003.0005>.
- Siti Nor Awang, Kamal Solhai Fadzil, Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zinol, J. E. (2015). Indigineous Tourism - Satu Tinjauan Awal Penglibatan Masyarakat Orang Asli Dalam Industri Pelancongan Orang Asli ( Aboriginal) *Community Participation In The Tourism Industry - A Preliminary Survey of Belum-Temenggor*, 9(9), 125–136.
- Suet, C.C. (2010). *Mah Meri on Stage: Negotiating National Policies, Tourism and Modernization in Kampung Sungai Bumbuh, Carey Island*. PhD theses. University of Hawaii.
- Surasin, J. (1996). Indigenous Knowledge in Natural Resource Management. The Case of Two Villages in Thailand. Universiti of Wisconsin-Madison: Ph. D. Thesis.
- Stone, W., Hughes, J. (2002). Measuring Social Capital: Towards A Standardised Approach. Paper Presented at the *2002 Australasian Evaluation Society International Conference*. Wollongong, Australia, October/November. <http://www.aes.asn.au>.
- Sabitha Marican (2005). "Kaedah Penyelesaian Sains Sosial", Cetakan Pertama, Petaling Jaya Selangor. Prentice Hall.91-118.
- Sachs, J. D. (2010). Millennium Development goals at 10. *Scientific American*, 302(6), 30
- UNESCO. (2010). The Central Role Of Education In The Millennium Development Goals. *Organization*, 24.
- United Nations General Assembly. (2005). 2005 World Summit Outcome, Resolution A/60/1, adopted by the General Assembly on 15 September 2005.
- Wheeler, S.M. (2004). *Planning for Sustainability*. Routledge
- Zainal Abidin Ali. (2008). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli. Dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill(Pnyt). *Orang Asli: Isu, Transformasi Dan Cabaran*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.